

# Berjasa dapat simpati rakyat Trengganu

**KUALA TRENGGANU, Sabtu** — Pesuruhjaya Berjasa Negeri Trengganu, Encik Omar Ibrahim menegaskan, walaupun Berjasa belum diterima oleh Barisan Nasional Trengganu, ia mendapat simpati rakyat.

Ini berdasarkan penubuhan 84 cawangan dengan 5,570 ahli yang berdaftar di seluruh Dewan Undangan Negeri, terutama di kawasan kubu kuat PAS, setakat ini.

Encik Omar mengulas jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menimbang beberapa kerusi Parlimen dan Dewan Negeri kepada Berjasa dalam pilihanraya umum ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir dilaporkan akan mengemukakan kepada Berjasa, bukan sahaja kerusi Parlimen di Trengganu dan Kelantan, tetapi juga di Kedah dan Perak.

Setiausaha Agung Berjasa, Encik Ismail Ali, baru-baru ini berkata, pucuk pimpinan Berjasa meminta agar kerusi-kerusi yang diperuntukkan kepada PAS ketika parti itu dalam BN dulu diberikan kepada Berjasa.

Bellau juga berharap jumlah kerusi Parlimen dan Dewan Negeri yang akan diberi kepada Berjasa nanti sejumlah yang munasabah dan memuaskan, cukup un-

tuk meyakinkan para penyokong Berjasa sebagai parti yang baru.

Dalam hubungan ini, Pesuruhjaya Berjasa Trengganu berkata, sejak Berjasa bekerjasama dengan UMNO khususnya dan BN lainnya, sehinggalah diterima sebagai anggota komponen, Berjasa belum diterima oleh Barisan Nasional Trengganu.

Katanya, Berjasa Trengganu harus diberi tempat kerana kerjasama serta kejujuran Berjasa terhadap BN Trengganu tidak dapat disangkal lagi.

"Berjasa telah berkembang di Trengganu sama dengan Berjasa di Kelantan, dengan mendapat sokongan ramal sebelum pilihanraya umum 1978 lagi," katanya.

Sebab itulah, katanya, Berjasa Trengganu telah bersiap sedia untuk bertanding bersama Barisan Nasional.